



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

**PEKELILING MAJIKAN BIL 2/98**

**PENGECCUALIAN PEMBAYARAN LEVI PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA UNTUK TEMP OH 6 BULAN**

**1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan yang telah diumumkan oleh YB. Menteri Sumber Manusia untuk memberi pengecualian pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia untuk tempoh 6 bulan berkuatkuasa mulai 12hb. Februari 1998.

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 memberi kuasa kepada YB. Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta mengecualikan sepenuhnya atau sebahagiannya mana-mana majikan atau golongan majikan daripada pembayaran levi, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan dalam perintah tersebut. Sehubungan dengan itu, pada 12hb. Februari 1998 YB. Menteri Sumber Manusia telah mengumumkan bahawa majikan-majikan dikecualikan daripada pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia selama tempoh 6 bulan berkuatkuasa mulai 12hb. Februari 1998. Pengecualian ini bertujuan membantu majikan mengatasi masalah kewangan kesan daripada kegawatan ekonomi yang dihadapi masa ini.
- 2.2 Pengecualian pembayaran levi ini akan dikaji semula sebelum tamatnya tempoh pengecualian.

**3. Pengecualian Pembayaran Levi Pembangunan Sumber Manusia**

- 3.1 Majikan yang mendaftar dengan Majlis ini adalah dikecualikan dari pembayaran levi Pembangunan Sumber Manusia berkuatkuasa mulai 12hb. Februari 1998. Dengan demikian, bagi bualan Februari 1998, majikan hanya perlu membayar levi untuk tempoh sebelas hari sahaja iaitu dari 1hb. Februari 1998 hingga 11hb. Februari 1998. Levi bagi bulan Januari 1998 dan sebelumnya perlu dibayar sepenuhnya oleh majikan.
- 3.2 Bagi pembayaran levi untuk bulan Ogos 1998, majikan perlu membayarnya untuk tempoh mulai 12hb. Ogos 1998 sehingga 31hb. Ogos 1998. Bagi pembayaran levi untuk bulan September 1998 dan seterusnya, majikan hendaklah membayar sepenuhnya mengikut peraturan dan prosedur yang terpakai sekarang.

**4. Pembayaran Levi Tertunggak**

Pengecualian ini tidak termasuk pembayaran levi tertunggak. Sekiranya majikan mempunyai tunggakan dalam pembayaran levi, majikan hendaklah membayarnya dengan secepat mungkin bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil, di samping bayaran faedah sebanyak 10% dikenakan.

## **5. Permohonan Geran Latihan**

Walaupun para majikan dikecualikan daripada membayar levi untuk tempoh selama 6 bulan, namun latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja perlu diteruskan dengan menggunakan baki levi yang sedia ada di dalam akaun majikan masing-masing. Bagi majikan yang tiada mempunyai baki levi, permohonan geran latihan masih boleh dibuat mengikut peraturan yang terpakai sekarang dan mengemukakan tuntutan setelah mempunyai levi yang mencukupi apabila majikan membayar semula levi setelah tempoh pengecualian ini tamat.

## **6. Penutup**

Pekeliling Majikan Bil. 2/98 ini berkuatkuasa mulai 12hb. Februari 1998.

Sekian, terima kasih.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menurut perintah,

**(YAU DE PIYAU)**

Ketua Pengarah,  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia